

Tiada lagi 'pesta' penyu mendarat

Pukat tunda turut pengaruhi kepupusan penyu

KEMAMAN

Sekitar tahun 80-an, setiap malam purata 10 ekor penyu naik mendarat dan bertelur di sepanjang Pantai Kijal sejauh kira-kira tiga kilometer dari Kampung Penunjuk hingga ke Kampung Che Wan.

Keadaan itu hanya tinggal nostalgia kerana jumlah penyu yang naik bertelur di pantai itu dari Januari lalu hingga sekarang hanya kira-kira empat ekor berikutan kepupusan spesies marin berkenaan.

Itu pun yang naik hanya penyu agar dan sudah 15 tahun penyu belimbang tidak bertandang dan bertelur di pantai tersebut.

Penduduk Kampung Che Wan, Che Wan Zawawi Che Wan Jusoh, 53, berkata, masih ada dua tiga ekor



CHE WAN ZAWAWI

penyu belimbang naik bertelur di sepanjang pantai itu setiap bulan pada awal 2000.

Namun katanya, beberapa tahun kemudian penyu belimbang sudah tidak dilihat mendarat di pantai mereka lagi sehingga ke hari ini.

Katanya, selain pukat pari, penggunaan pukat tunda juga mengakibatkan penyu semakin pupus kerana selain terkena pukat, habitat penyu di kawasan terumbu karang juga dimusnahkan pukat tunda.

"Sedih lihat kepupusan penyu sekarang sebab sebagai penduduk yang tinggal di tepi pantai saya membesar dengan penyu."

"Aktiviti cari telur penyu jadi rutin saya masa kecil dan pada 90-an hingga 2000 saya juga sempat jadi pemajak telur penyu. Telur itu dijual untuk ditetaskan," katanya.

Sikap manusia jadi punca

Menurut Che Wan Zawawi, pada tahun lalu kira-kira 20 penyu agar mendarat di sepanjang pantai itu.

Katanya, bagi mengelakkan penyu terus pupus, penguatkuasaan perlu dipertingkatkan untuk memastikan nelayan mematuhi peraturan serta turut sama mengkekang kemasukan nelayan asing.


Tambahnya, sikap nelayan yang membuang sampah terutama plastik makanan dan jaring rosak ke dalam laut juga membahayakan penyu.

Justeru, katanya, kebersihan pantai juga perlu dijaga untuk kelangsungan hidup penyu yang merupakan anugerah tidak ternilai kepada negeri ini.

Senada dengan Che Wan Zawawi,



Penduduk, Syed Ali Tuan Dagang, 63, saya melihat bangkai penyu agar yang dijumpaiannya terdampar di tepi Pantai Kampung Tengah Kijal pada Mac tahun lalu.



Wan Abdul Halim bersama awak-awaknya memegang penyu yang diselamatkan dari pukat tangsi hanyut di tengah laut.

penduduk Kerteh, Wan Abdul Halim Wan Md Dom, 44, mengakui penggunaan pukat tunda turut mempengaruhi kepupusan penyu.

Susah jumpa penyu

Katanya, menangkap ikan menggunakan pukat tunda menyebabkan banyak kawasan terumbu karang di sepanjang pantai daerah ini dari Geliga ke Kerteh rosak.

Katanya yang juga nelayan dan tekong bot, dari pengalamannya memancing di kawasan yang mempunyai terumbu karang sebelum ini, dapat dilihat penyu timbul untuk berasas.

"Sekarang payah nak jumpa dah penyu timbul. Kawasan terumbu karang pun sekarang sudah banyak rosak kerana bot pukat tunda laut dalam masuk dan menceroboh kawasan terumbu karang," katanya.



Penyu belimbang yang naik mendarat di Pantai Kuala Abang, Dungun pada 2010.

Jelasnya, kawasan terumbu karang merupakan kawasan penyu biasa berlindung dan mencari makanan.

Ekoran kemasuhan banyak kawasan terumbu karang itu penyu sekarang sudah tiada tempat berlindung dan sukar untuk mencari makanan.

Susulan itu, Wan Abdul Halim

berharap pihak berkaitan dapat meningkatkan penguatkuasaan untuk membendung kes pencerobohan bot pukat tunda ke kawasan terumbu karang di perairan negeri ini.

Wan Abdul Halim bersama empat awak-awaknya pernah menyelamatkan empat ekor penyu yang terperangkap pada pukat tangsi hanyut di tengah laut dekat Kuala Kerteh pada tahun lalu.



Seorang remaja, Rafiq Akif Danial memeriksa bangkai penyu agar yang ditemuiinya di pantai Rumah Murah Kemasik pada Mac tahun lalu.



- Penyu adalah daripada superkeluarga Chelonioidea iaitu sejenis reptilia dari order Testudines.
- Terdapat tujuh spesies penyu: Penyu hijau, penyu tempayan, penyu karah, penyu pipih, penyu belimbang, penyu lipas dan penyu kempi.
- Penyu telah wujud semenjak akhir zaman Jurassic (145-208 juta tahun) iaitu sezaman dengan dinosaurus.
- Penyu boleh dijumpai di kesemua lautan kecuali wilayah berhampiran polar bumi.
- Penyu-penyu ini mendiami kawasan pentas benua yang mempunyai banyak tumbuhan marin sebagai makanan.
- Penyu pipih hanya mendiami pesisiran utara pantai Australia.
- Penyu kempi pula hanya dijumpai di Teluk Mexico dan sepanjang perairan timur Amerika Syarikat.
- Penyu hijau sering dijumpai berhampiran kawasan yang dipenuhi tumbuhan seperti sargassum yang menjadi makanan dan kawasan perlindungannya.
- Penyu betina akan segera naik ke darat bertelur apabila tiba musimnya.
- Di Malaysia, Rantau Abang, Terengganu, merupakan salah satu daripada 4 tempat penyu belimbang mendarat untuk bertelur.